
**LAPORAN
TAHUNAN | 2017**

PERPUSTAKAAN UTM

Information Excellence

**LAPORAN
TAHUNAN | 2017**
PERPUSTAKAAN UTM

PERPUSTAKAAN
SULTANAH ZANARIAH
LIBRARY

PA

PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MALAYSIA

PERPUSTAKAAN RAJA Zarith SOFIAH

Raja Zarith Sofiah Library

TM

ISI KANDUNGAN :


- Profil Perpustakaan UTM 1-8
- Pencapaian Key Amal Indicator (KAI) Perpustakaan 2017 9
- Pengurusan Dan Pembangunan Sumber Manusia 10-11
- Prestasi Pengurusan Kewangan 12-13
- Pembangunan Koleksi 14-20
- Pencapaian Perkhidmatan 21-35
- Pengurusan Kualiti 36-37
- UTM *Institutional Repository* 38
- Persidangan Pustakawan 39-40
- Usahasama Dan Libatsama Komuniti 41-42
- Peristiwa Penting 2017 43-45
- Jawatankuasa Penerbitan 46

PENGENALAN

Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia telah melalui fasa perkembangan dan pembaharuan yang selaras dengan kemajuan pendidikan tinggi di Malaysia. Ini telah memberi sumbangan besar kepada proses pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan penerbitan di UTM khasnya dan negara amnya. Perpustakaan UTM berdiri teguh dengan kekuatan cawangan di Johor Bahru, Kuala Lumpur dan tiga belas (13) perpustakaan fakulti. Perpustakaan UTM turut bekerjasama dengan School of Professional and Continuing Education (SPACE) dalam menguruskan koleksi pusat sumbernya di seluruh Malaysia.



VISI, MISI OBJEKTIF, MOTTO





POLISI KUALITI PERPUSTAKAAN UTM

● Perpustakaan UTM memberi perkhidmatan kepada pelanggan berpandukan kepada perlunya kepuasan pelanggan dan pembaharuan berterusan yang boleh dicapai dengan memastikan :

- Staf beretika, mahir dan profesional.
- Peruntukan dan penyediaan sumber mencukupi.
- Keselamatan sumber terpelihara.
- Proses kerja berkesan dan cekap.
- Penggunaan teknologi di tahap intensif.

● Usaha mencapai kepuasan pelanggan dan penambahbaikan berterusan diterjemahkan kepada objektif kualiti yang disemak dari semasa ke semasa seperti berikut :

- Mempertingkatkan pengurusan sumber ilmu dengan melengkapkan Koleksi Khas dan *UTM Institutional Repository* (UTM-IR) sehingga tahun terkini.
- Mengkatalog semua penulisan UTM sehingga tunggakan sifar
- Minimum 5% pendepositan rekod di *UTM Institutional Repository* (UTM-IR) bagi tahun semasa.
- Memantau dan menganalisi penggunaan sumber elektronik dua kali setahun.
- Memastikan penyelenggaran perpustakaan digital dilaksanakan secara berterusan.
- Mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan bagi perkhidmatan dan kemudahan melalui Kajian Kepuasan Pelanggan.
- Mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan bagi Program Pendidikan Pengguna.
Melaksanakan aktiviti sebaran dan perkongsian ilmu mengikut keperluan semasa.
- Mengaudit pelaksanaan *Standard People Practice* sekurang-kurangnya 1 kali setahun



OBJEKTIF
KUALITI

PIAGAM PELANGGAN

- Memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan peka kepada keperluan dan kepuasan pelanggan dengan :
 - Memastikan semua permohonan untuk pembelian bahan dapat dipertanggungkan sebelum pertengahan bulan September bagi peralatan kecuali bahan bacaan setiap tahun.
 - Memastikan semua bahan diproses dengan segera supaya tunggakan sifar.
 - Membekalkan perkhidmatan maklumat terkini dengan terang,lengkap dan mengikut jangkamasa yang ditetapkan.
 - Menentukan setiap pangkalan data yang disediakan dapat diakses oleh pelanggan.
 - Memastikan pelanggan diberi layanan di Kaunter Sirkulasi dalam proses pemulangan bahan dalam masa 2.5 minit pada keadaan biasa.
 - Mengamalkan sikap positif dan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan.
 - Melaksanakan langkah pembaharuan yang berterusan bagi mempertingkatkan perkhidmatan.
 - Meningkatkan kemahiran dan kewibawaan staf melalui latihan.
 - Memastikan persekitaran Perpustakaan selamat dan kondusif

STRUKTUR ORGANISASI


STRUKTUR ORGANISASI 2017



Pengurusan Perpustakaan UTM adalah merangkumi Perpustakaan Sultanah Zanariah, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Perpustakaan Institut Pembangunan Bioproduk (IBD), 13 buah Perpustakaan Fakulti dan Perpustakaan UTM, Hub Pendidikan Tinggi Pagoh di Johor Bahru. Cawangan di Kuala Lumpur pula terdiri daripda Perpustakaan Sultanah Zanariah Kuala Lumpur, Perpustakaan Menara Razak dan Perpustakaan Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT) dan Perpustakaan CASIS UTMKL. Struktur organisasi Perpustakaan UTM diterajui oleh Ketua Pustakawan dan dibantu oleh lima (5) Timbalan Ketua Pustakawan. Terdapat dua belas (12) bahagian dan empat puluh dua (42) unit kecil yang diketuai oleh Ketua Bahagian.

STRUKTUR ORGANISASI 2017

12 Bahagian 42 Unit



PENGURUSAN UTM




Ketua Pustakawan
Dr. Kamariah Binti Nor Mohd Desa



Timbalan Ketua Pustakawan
(Perkhidmatan)
Noraziah Binti Sharuddin



Timbalan Ketua Pustakawan
(Perpustakaan Raja Zarith Sofiah)
Nor Asikin Binti Mohamad



Timbalan Ketua Pustakawan
(Galerium)
Haslina Binti Othman



Timbalan Ketua Pustakawan
(Perpustakaan Sultanah
Zanariah Kuala Lumpur)
Nik Masriza Binti Zakaria





Ketua Bahagian
Perkhidmatan Maklumat
& Penyelidikan
Zaleha Binti Atan



Ketua Bahagian
Perkhidmatan Maklumat,
Penyelidikan & Sirkulasi
Noraini Binti Yahya



Ketua Bahagian
Pengurusan Koleksi
Mohd Nasir Bin Ibrahim



Ketua Bahagian
Pentadbiran & Kewangan
Zafarina Binti Dol





PENCAPAIAN 2017

PENCAPAIAN KEY AMAL INDICATOR (KAI) 2017



Pencapaian
KAI
2017



Perpustakaan UTM telah menetapkan 41 KAI bagi tahun 2017. Rajah di atas menunjukkan pecahan KAI yang terdiri daripada 4 perspektif utama iaitu Stakeholder Perspective, Internal Process Perspective, Learning and Growth Perspective dan Resource Perspective. Perpustakaan UTM telah menetapkan KAI di setiap perspektif iaitu 6 KAI untuk Stakeholder Perspective, 25 KAI untuk Internal Process Perspective, 7 KAI untuk Learning and Growth Perspective dan 3 KAI untuk Resource Perspective. Pencapaian KAI secara keseluruhannya adalah 83.3%.




PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Perpustakaan UTM terdiri daripada Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM JB, Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah UTM JB, Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM KL, Perpustakaan UTM Hub Pendidikan Tinggi Pagoh dan 13 buah Perpustakaan Fakulti. Jumlah keseluruhan staf Perpustakaan UTM sehingga tarikh 31 Disember 2017 adalah seramai 200 orang. Jumlah staf yang aktif adalah seramai 197 orang, di mana 2 orang staf sedang cuti belajar bergaji penuh dan 1 orang cuti tanpa gaji. Bangunan utama PSZ di UTMJB mempunyai 19 orang dan 12 orang ditempatkan di 12 fakulti termasuk di Sekolah Pengajian Siswazah dan Institut Pembangunan Bioproduk. Seramai 53 orang staf ditempatkan di bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah dan seramai 30 orang staf ditempatkan di Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTMKL. Mulai 2 Mei 2017, Perpustakaan UTM memulakan operasi perkhidmatan di Hub Pendidikan Tinggi UTM Pagoh dan hanya terdiri daripada 3 orang staf iaitu seorang Pustakawan dan 2 orang Pembantu Pustakawan.

Pecahan Staf Perpustakaan UTM



49

Kumpulan Pengurusan & Profesional

151

Kumpulan Pelaksana

Anugerah Pentadbir

Dr. Hjh Kamariah Binti Nor Mohd Desa

Anugerah Webometric (kategori Individu)

Mohd Fuad Bin Mohamed Yusof

Olahragawati

Shaliza Binti Md Yusos

Pada tahun 2017, 8 orang Pustakawan dan 3 orang staf pelaksana telah dinaikkan pangkat secara *time-based* berdasarkan kecemerlangan. Seramai 4 orang staf perpustakaan yang bersara sepanjang tahun 2017 dan majlis meraikan staf yang bersara telah diadakan pada 24 Januari 2017 bersekali dengan Amanat Ketua Pustakawan. Seramai 16 orang staf telah dipilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi pencapaian prestasi sepanjang 2016. Majlis Penganugerahan menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Simpanan Premium bernilai RM1,000.00 sebagai menghargai pencapaian cemerlang mereka dalam membangunkan organisasi. Semasa Majlis Citra Karisma 2016 ini juga Perpustakaan UTM telah menerima sijil penghargaan untuk Anugerah Teknologi Maklumat.



Penerima Anugerah

Kursus Dalaman



Kursus Dalaman



Pelajar Praktikal



Pelajar Praktikal



Pepustakaan UTM mengendalikan 69 kursus dalaman yang telah diadakan di dalam Perpustakaan UTM. Terdapat penurunan bilangan kursus dalaman pada tahun 2017 berbanding tahun 2016 kerana kekangan peruntukan. Perpustakaan UTM turut menghantar staf untuk mengikuti kursus di luar UTM. Perpustakaan UTM selektif dalam memilih kursus luar yang perlu dihadiri oleh staf dan memberi keutamaan kepada kursus atau seminar yang mempunyai impak kepada perpustakaan.

Perpustakaan UTM setiap tahun dipilih oleh pelajar daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM bagi mengikuti program latihan industri. Sepanjang tahun 2017, Perpustakaan UTM telah menerima 2 orang pelajar Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan dan Pengurusan Pusat Sumber, Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM untuk mengikuti latihan industri selama 5 bulan.



PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

Bagi tahun kewangan 2017, Perpustakaan UTM menerima peruntukan sebanyak RM18,774,908.33 dan telah membelanjakan sebanyak RM14,625,745.24. Agihan peruntukan dan perbelanjaan adalah seperti jadual di bawah.



Prestasi Perbelanjaan Perpustakaan UTM 2017



Perpustakaan UTM juga giat melaksanakan langkah-langkah penjimatan dalam perbelanjaan. Di antara inisiatif amalan belanja berhemah yang telah diusahakan adalah melaksanakan latihan dalaman kepada staf, penjimatan bayaran eluan lebih masa khusus kepada staf bertugas kaunter sahaja, penjimatan bil elektrik dan penjimatan tempahan jamuan terhad kepada mesyuarat utama sahaja.

Inisiatif amalan belanja berhemah

Inisiatif : Melaksanakan latihan dalaman kepada staf
2016 : 74 latihan
2017 : 51 latihan



Inisiatif : Penjimatan bayaran eluan lebih masa staf kaunter
2016 (RM11,633.72) **Jimat 23%**
2017 (RM8,968.39)



Inisiatif : Penjimatan Elektrik
2016 : (RM827,765.06)
2017 : (RM708,149.76)


Jimat 14.45%



Inisiatif : Tempahan jamuan mengikut kategori mesyuarat
2016 : (RM12,594.88)
2017 : (RM5,685.30) **Jimat 55%**



KELESTARIAN KEWANGAN




Selain daripada itu Perpustakaan UTM juga turut melaksanakan penjimatatan perbelanjaan pembelian kertas, toner mesin cetak dan alat tulis pejabat



PEMBANGUNAN KOLEKSI

PEMBANGUNAN KOLEKSI




Carta diatas menunjukkan jumlah peruntukan yang diterima dalam tempoh lima (5) tahun terakhir iaitu tahun 2012-2017. Tahun 2014 mencatatkan kadar peruntukan tertinggi iaitu RM15,900,00.00. Berdasarkan carta, jumlah peruntukan yang diterima menunjukkan penurunan mulai tahun 2015. Pada tahun 2017, peruntukan vot mengurus yang diterima hanyalah berjumlah RM3.15 juta merangkumi keperluan UTM Johor Bahru dan UTM Kuala Lumpur. Penurunan peruntukan yang ditambah lagi dengan kenaikan kadar tukaran mata wang asing memberi impak terhadap aktiviti pembangunan koleksi Perpustakaan. Dengan kenaikan harga bahan rujukan, situasi ini menuntut kerjasama dan komitmen semua pihak yang terlibat agar nisbah bahan berbanding pelajar dapat dikekalkan pada kadar yang ditetapkan. Bahagian Pembangunan Sumber telah mengambil langkah proaktif di dalam menyedia serta membentangkan kertas kerja permohonan peruntukan kepada pihak pengurusan tertinggi UTM. Hasilnya, peruntukan tambahan berjumlah RM6,041,300.00 telah berjaya di perolehi daripada beberapa sumber bagi menampung keperluan langganan pangkalan data 2017/2018.



Koleksi Perpustakaan UTM 2017

Carta dan jadual menunjukkan jumlah keseluruhan koleksi perpustakaan sehingga Disember 2017 bagi semua kategori bahan adalah sebanyak 4,587,398 naskhah. Terdapat penurunan sebanyak 14.4% berbanding jumlah koleksi perpustakaan pada tahun sebelumnya sebanyak 5,362,174 naskhah. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pembatalan 3 judul langganan pangkalan data serta proses kemaskini dan pertukaran status rekod UTMIR kepada ‘retired’ bagi memenuhi kriteria baru ‘Ranking Web of Repositories’. Bahan media elektronik masih berada pada paras tertinggi diikuti bahan monograf. Jumlah yang dicatat adalah hasil perolehan daripada pelbagai sumber sama ada belian, langganan, serahan, hadiah dan juga hasil penulisan staf dan pelajar UTM. Kandungan Digital Perpustakaan adalah seperti berikut:



Pada tahun 2017, koleksi kepada artikel dalam pangkalan data e-jurnal telah menurun kepada 1,084,54 judul berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak 1,482,529. Manakala judul e-tesis juga menurun kepada 2,242,637 judul berbanding 2,630,216 judul pada tahun 2016. E-standard masih kekal pada 68,451 judul. Langganan jurnal cetak telah ditamatkan sepenuhnya pada tahun 2016 dan hanya mengekalkan langganan majalah popular sebanyak 12 judul pada tahun 2017. Penamatan ini terpaksa dilakukan kerana peruntukan yang terhad dan tidak mencukupi.

PEMBANGUNAN GALERIUM

Unit Galerium telah diberi kepercayaan oleh Pejabat Naib Canselor untuk menguruskan Projek Poster Dewan Senat, Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim. Poster direkabentuk dengan pelbagai foto peristiwa bersejarah Universiti. Penglibatan Perpustakaan UTM melalui projek di bangunan protokol ini merupakan indikator jelas bahawa pengurusan Universiti prihatin terhadap kepentingan mewujudkan galeri bermaklumat di sekitar kampus. Projek bermula pada 14 November 2016 dan berjaya diselesaikan pada 13 Januari 2017.



Bahagian Pengurusan Galerium telah mewakili Universiti Teknologi Malaysia dalam pameran 'Sejarah UTM' sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa peringkat Muzium dan Galeri Universiti Awam di Muzium Pendidikan Nasional, Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 18 sehingga 19 November 2017. Pengisian pameran terdiri daripada 6 unit poster 'Sejarah UTM', buku Technical College Kuala Lumpur : Graduates dan bunting Galerium UTM sebagai medium mempromosi jenama UTM kepada komuniti luar.




Konservasi artifak unik 'Process Camera' sebagai warisan sejarah Universiti yang tinggi nilainya. Usaha membaik pulih artifak berupa sebuah 'Process Camera' yang pernah digunakan oleh Fakulti Ukur pada awal tahun 1980an sehingga 1990an merupakan satu inisiatif yang sangat signifikan dalam sejarah Universiti. Gerak kerja konservasi 'Process Camera' bermula pada 21 Mac 2017 dan diselesaikan pada 24 September 2017, berjaya mencapai jangkamasa yang telah disasarkan. Proses konservasi selama 6 bulan meliputi pelbagai proses rumit seperti kerja-kerja pemindahan, pembersihan, pemasangan, pembaikan dan sebagainya dijalankan oleh Pembantu Pustakawan Kanan Bahagian Pembangunan Galerium, En. Khalid Jaafar. Pemindahan beberapa bahagian badan 'Process Camera' ke ruang pameran Galerium UTM dibuat secara berperingkat dan lengkap sepenuhnya dengan wajah baru sebagai simbolik dalam majlis perasmian Galerium UTM pada 26 September 2017.

Pembentangan 'Laporan Status Muzium dalam Persidangan Muzium & Galeri Universiti Awam Malaysia di Galeri Seni, Universiti Malaya pada 21 sehingga 22 Ogos 2017. Pembentangan dibuat oleh Pustakawan Kanan, Bahagian Pembangunan Galerium, Pn. Norhafiza Daud Kaiyin meliputi aspek sejarah, kewangan, aktiviti, masalah, cabaran dan perancangan Galerium UTM sebagai perkongsian untuk para peserta persidangan. Selain itu, turut ditekankan dalam pembentangan adalah komitmen tinggi pihak pengurusan Perpustakaan UTM ke arah memperkasakan lagi Galerium UTM sebagai satu entiti yang tidak kurang pentingnya kepada kecemerlangan UTM. Pihak Galeri Seni Universiti Malaya memberi pujian di atas penubuhan Galeri Tokoh Penyelidik dan turut menyarankan kepada Universiti lain agar mencontohi inisiatif Perpustakaan UTM dalam mempamerkan artifak dan maklumat penyelidikan untuk manfaat umum.




PEMBANGUNAN MULTIMEDIA

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 100 acara telah dirakamkan oleh Unit Pembangunan & Pengurusan Multimedia seterusnya menghasilkan 100 naskhah gambar. Acara yang dirakamkan termasuk gambar-gambar penerbitan Buletin Perpustakaan, Laporan Tahunan Bahagian, Laporan Tahunan Perpustakaan, gambar-gambar di website, gambar slaid Ketua Pustakwan, Kelas Kemahiran dan sebagainya. Sebahagian koleksi gambar ini dimasukkan ke laman web gambar Perpustakaan UTM di URL <http://library.photos.utm.my>. Manakala, keseluruhan gambar asal di simpan di dalam DVD dan diserahkan ke Unit Koleksi Khas Perpustakaan UTM sebagai simpanan kekal.



Pencapaian Aktiviti Pembangunan Multimedia





Aktiviti Unit Multimedia

PENYENGGARAAN BAHAN DAN ALATAN MEDIA PERPUSTAKAAN UTM

Penyenggaraan bahan media melibatkan naskhah pertama terdiri daripada slaid, mikrofis, kasetvideo, mikrofilem dan kaset. Secara keseluruhan, jumlah bahan media yang disenggara pada tahun 2017 adalah 14,642 naskhah. Bilangan penyenggaraan bahan media ini adalah mencapai sasaran iaitu sebanyak 900 naskhah sebulan bagi setiap staf yang terlibat.

Penyenggaraan peralatan media merangkumi mesin pembaca mikrofilem dan mikrofis, pemutar mikrofilem, projektor slaid, televisyen, pemain audio dan video, perakam audio dan video, projektor LCD, set PA system dan overhead projector. Secara keseluruhan, jumlah penyenggaraan peralatan media yang telah dibuat pada tahun 2017 adalah 260 kali penyenggaraan.

Januari





PENCAPAIAN PERKHIDMATAN

PENDIDIKAN PENGGUNA

Program Pendidikan Pengguna di Perpustakaan UTM dibahagikan dua (2) kategori utama iaitu pelajar prasiswazah dan juga pascasiswazah. bagi pelajar prasiswazah, terdapat 3 program utama iaitu :

- Kelas Kemahiran Perpustakaan Asas
- Kelas Kemahiran Perpustakaan Lanjutan
- Kursus Eksplorasi Maklumat

Program untuk pelajar pascasiswazah melibatkan Kursus Kaedah Penyelidikan dan Kelas Kemahiran Perpustakaan Pasca Ijazah. Kelas *Endnote* dan *Turnitin* dibuka kepada semua kategori. Kelas-kelas ini dijalankan di Perpustakaan UTM Johor Bahru dan Kuala Lumpur.

Bilangan Kelas	Kelas	Bilangan Pelajar
18 9	2016 Kelas <i>Endnote</i> & <i>Turnitin</i>	2016 235 2017 174
34 47	2016 Kelas Kemahiran Perpustakaan Pascasiswazah	2016 683 2017 1242
83 54	2016 Kelas Kemahiran Lanjutan	2016 1292 2017 876
21 18	2016 Kelas Kemahiran Asas	2016 477 2017 398




PERKHIDMATAN PINJAMAN ANTARA PERPUSTAKAAN

Keseluruhan permohonan perkhidmatan ILL mengikut kategori pemohon pada tahun 2017 sebanyak 346 permohonan berbanding permohonan pada tahun 2016. Permohonan dari pelajar pasca ijazah merupakan permohonan yang paling tinggi sebanyak 285 permohonan diikuti oleh staf bukan akademik sebanyak 43 permohonan, staf akademik sebanyak 8 permohonan, pelajar diploma sebanyak 5 permohonan dan pelajar sarjana muda sebanyak 6 permohonan.



PANGKALAN DATA : PENGGUNAAN, AKSES DAN PROMOSI

Tahun 2017 menyaksikan penurunan jumlah langganan pangkalan data, iaitu daripada 35 judul kepada 15 judul. Penurunan jumlah langganan ini merupakan sebab utama kepada penurunan jumlah akses pangkalan data iaitu sebanyak 14% daripada 8,564,871 kepada 7,294,379. Akses pangkalan data ini mengambil kira jumlah sesi(session), carian(search), paparan(view) dan muat turun(download).



Akses Pangkalan Data 2016 - 2017

Aktiviti Promosi Vendor Pangkalan Data

Tahun 2017 telah menyaksikan jalinan kerjasama antara Perpustakaan UTM dan Vendor atau penerbit pangkalan data diteruskan dalam menganjurkan pelbagai program. Sebanyak 14 sesi program promosi yang telah dijalankan pada tahun 2017 dengan jumlah penyertaan 614 orang berbanding tahun 2016. Walaupun kebanyakan program adalah berbentuk latihan/bengkel menggunakan pangkalan data, terdapat juga bengkel yang memberi tumpuan kepada penerbitan ilmiah. Ini merupakan usaha Perpustakaan menyokong aktiviti penyelidikan dan penerbitan Universiti.



28 Februari 2017
Increase Research Visibility: How to be cited in Scopus.




21 Mac 2017
EndNote Training.



21 Mac 2017
Publish & Flourish! Find, read and publish in high impact journals.



27 Julai 2017
Writing a Great Paper and Getting It Published in a Research Journal.



16 Oktober 2017
TurnItIn for Instructors (Sesi I) & (Sesi II).



10 November 2017
Invitation to Springer Nature Tea Chats with Scientist: How to Publish Smarter?

LAWATAN AKADEMIK

Sepanjang tahun 2017, Perpustakaan UTM telah menerima 44 lawatan dari dalam dan luar negara. Seramai 2064 orang pelawat dari dalam dan luar negara telah diterima dari pelbagai agensi seperti institusi pengajian tinggi, jabatan kerajaan, agensi swasta, sekolah dan orang awam.





PAMERAN

Aktiviti pameran dilaksanakan sebagai salah satu aktiviti yang mendokong pemupukan budaya keilmuan telah dijalankan Perpustakaan UTM Johor Bahru dan Kuala Lumpur seperti berikut :

Bil.	Program	Lokasi
1	Pameran Adat Resam & Budaya Masyarakat Melayu	Perpustakaan UTM, Johor Bahru
2	Pemacu Kegemilangan UTM	Perpustakaan UTM , Johor Bahru
3	Pameran Fotografi 'Refleksi dari 7 Benua'	Perpustakaan UTM , Johor Bahru
4	Pameran Fotografi 'Refleksi dari 7 Benua'	Perpustakaan UTM, Kuala Lumpur
5	Pameran Buku Sains dan Komputer	Perpustakaan UTM, Kuala Lumpur
6	Pameran Buku Teknologi Kejuruteraan	Perpustakaan UTM, Kuala Lumpur
7	Pameran Jejak Kemerdekaan	Perpustakaan UTM, Kuala Lumpur
8	Pameran Permainan Tradisional Malaysia	Perpustakaan UTM, Kuala Lumpur
9	Pameran Fotografi 'Refleksi dari 7 Benua'	Hub Pendidikan Tinggi Pagoh, Johor
10	Pameran Decorative Wall Art	Perpustakaan UTM , Johor Bahru
11	Pameran Negaraku Sehati Sejiwa	Perpustakaan UTM, Johor Bahru
12	Pameran Mahkota Jauhar Junjungan Negeri Johor	Perpustakaan UTM, Johor Bahru
13	Pameran 'UTM's Distinguished Alumni' sempena Majlis Konvokesyen UTM ke - 59	Bangunan Canseleri, UTM Johor Bahru
14	Pameran Menyantuni Warisan Sejarah Universiti : Honoring University's Historical Heritage	Perpustakaan UTM, Johor Bahru
15	Pameran Warisan Budaya Melayu : Malay Cultural Heritage	Perpustakaan UTM, Johor Bahru
16	Pameran Batik	Perpustakaan UTM, Johor Bahru
17	Pameran Lukisan	Perpustakaan UTM, Johor Bahru



PROGRAM BUDAYA ILMU

Selaras dengan hala tuju pentadbiran negara untuk mewujudkan masyarakat kaya maklumat serta keperluan Universiti untuk membentuk modal insan secara holistik, Perpustakaan UTM terus komited dalam melaksanakan program budaya ilmu yang melibatkan aktiviti seperti program Perkongsian Ilmu (K-Sharing) dan Bicara Karya sepanjang tahun 2017.

Program Perkongsian Ilmu dan Bicara Karya Melibatkan ahli panel di kalangan tokoh atau pakar dalam sesuatu bidang samada dari dalam UTM mahupun du undang khas dari organisasi luar . Bertujuan untuk menjana pemikiran kritis, memupuk kewibawaan peribadi, meningkatkan kapabiliti di kalangan staf akademik, pegurusan serta semua mahasiswa bagi mencapai hasrat ke arah kecemerlangan holistik mencakupi aspek akademik dan kemahiran insaniah. Beberapa aktiviti yang berkaitan pemupukan budaya keilmuan telah dianjurkan sebagai medan perkongsian maklumat, pengalaman dan suntikan motivasi dari ahli panel terpilih dalam pelbagai bidang seperti mana berikut :



- 24 Januari 2017
Acupressure untuk Peningkatan Prestasi Murid, Pelajar dan Orang Dewasa
Prof. Ir. Dr. Hasanah Md. Nor, Fakulti Kejuruteraan Awam, UTM



- 8 Februari 2017
Komunikasi yang Efektif Pemacu Perkhidmatan Cemerlang
Dr. Nor Ain Binti Husein, Presiden Kelab Toastmaster UTM



- 9 Mac 2017
Natrah : Perlukan Ada Harga Diri?
Puan Sri Fatini Binti Yaakob



- 17 Mac 2017
Program Bicara Pentadbir
Universiti Teknologi Malaysia



● 21 Mac 2017
Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlik
Dr. Kamarul Azmi, Fakulti Tamadun Islam, UTM



● 19 April 2017
Perkongsian Ilmu
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Proton Malaysia



● 3 Mei 2017
Program Pelaksanaan Bandar Selamat
Pn. Hajah Zarina Abd. Hamid, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah



● 15 Mei 2017
Kompilasi Travelog 7 Benua
Prof. Dr. Nordin Yahya,
Pro Vice-Chancellor (International), UTM



● 24 Mei 2017
Bahaya Logam Berat Dalam Makanan Laut
Prof. Dr. Wan Azeelee Wan Abu, Fakulti Sains, UTM



● 25 Mei 2017
Tips On Improving Reading Skills
Dr. Seri Aznita Binti Mat Said Akademi Bahasa UTM, Kuala Lumpur



● 31 Jun 2017
Pengurusan Tekanan dan Cara Mengatasinya
Pn. Nurzima Zaihan Pi'i, Pusat Kaunseling UTM



● 20 Julai 2017
Kompilasi Travelog 7 Benua (PSZ UTMKL)
Prof. Dr. Nordin Yahya, Pro Vice-Chancellor (International), UTM



● 25 Julai 2017
Minda Lestari Kelas Pertama
Prof. Madya Ir. Dr. Mohd. Fadhil Md Din, UTM Campus Sustainability



● 24 Ogos 2017
Kemahiran Membaca Berkesan
Pn. Nurrull Huda Binti Abdul Wahid, Perpustakaan UTM Kuala Lumpur



● 26 September 2017
Deep Thinking Anyone?
Dr. Hj. Zulkifli Khair, Fakulti Pengurusan, UTM



● 26 September 2017
Courtesy : The Language Of The Subconscious Mind
Prof. Datuk Dr. Mod Tajudin Ninggal, Fakulti Pendidikan, UTM



● 27 September 2017
Kemerdekaan dan Pembinaan Negara
Dr. Hashim Fauzy Yaacob, Fakulti Pengurusan, UTM



● 28 September 2017
My Favourite Read : Malay Concepts Of Democracy And Community 1945 - 1950
Sdr. Muhammad Wazif Mohd Salehuddin, Pengerusi Friends Of UTM Library (FoLY)



● 28 September 2017
Imaginasi Itu Powerful Jika Kita Tahu Menggunakannya
Dr. Nurwina Akmal Anuar
Fakulti Biosains Dan Kejuruteraan Perubatan, UTM



● 10 Oktober 2017
Senaman Kekal Cergas Di Pejabat
En. Ainul Jamilus Bin Ahmad, Pusat Kecermerlangan Sukan, UTM



● 13 November 2017
Kompilasi Travelog 7 Benua, (HUB Pendidikan Tinggi Pagoh)
Prof. Dr. Nordin Yahya, Pro Vice-Chancellor (International), UTM

ROADSHOW DAN BENGKEL PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

Program roadshow dan bengkel penerangan berkaitan penyelidikan dan penerbitan merupakan inisiatif yang dibuat oleh Perpustakaan UTM dalam mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan kepada pengguna. Aktiviti utama yang dijalankan sepanjang program adalah :

- Taklimat yang merangkumi perkhidmatan, kemudahan, pembayaran insentif penyelidikan serta isu berkaitan penyelidikan dan penerbitan.
- Khidmat perundingan pangkalan data atas talian, perundingan jurnal berimpak tinggi, jurnal impak faktor dan *h*-indeks, *Turnitin*, *Endote* dan *RADIS*, perkhidmatan perpustakaan, cadangan pembelian buku dan jurnal, pemulangan dan peminjaman buku, kemaskini data pengguna, sumbangan buku dan pendaftaran kelas perpustakaan.

Secara keseluruhannya, sebanyak 20 program roadshow dan bengkel penerangan berkaitan penyelidikan dan penerbitan telah diadakan oleh Perpustakaan UTM di Johor Bahru dan Kuala Lumpur.



BENGKEL MEREKABENTUK PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN UNIVERSITI AWAM

Majlis Ketua Pustakawan telah bersetuju untuk melaksanakan penjajaran peranan dan fungsi Perpustakaan Universiti Awam dalam menyokong usaha Kementerian Pendidikan Tinggi merekabentuk semula pendidikan tinggi di Malaysia. Hasilnya ialah penganjuran Bengkel Merekabentuk Perkhidmatan Perpustakaan Awam sejajar dengan Amanat Menteri Pendidikan Tinggi 2017 yang telah diadakan pada 10 April 2017 di Perpustakaan UTM Kuala Lumpur. Bengkel ini telah dihadiri oleh 23 orang Timbalan Ketua Pustakawan dari semua Universiti Awam. Puan Noraziah Sharuddin, Timbalan Ketua Pustakawan UTM telah mengendalikan bengkel satu hari ini dan antara perkara yang dibincangkan adalah :

- Redesigning Higher Education
- Massive Open Online Courses (MOOCS)
- Keserakahan dan kesepunyaan
- Co-curators of Knowledge
- Program Kepimpinan
- Pelaburan Kerajaan - Penerbitan/Bilangan Harta Intelek/Sitasi Penerbitan



KARNIVAL PERPUSTAKAAN



Karnival Perpustakaan UTM 2017 anjuran Perpustakaan UTM telah berlangsung di Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru pada 26 - 28 September 2017. Karnival ini bertemakan *Courtesy@UTM* dengan tagline *Kindness Change the World*. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar, Naib Canselor UTM pada 26 September 2017. Turut Hadir memeriahkan majlis perasmian adalah Dr. Hjh Kamariah binti Nor Mohd Desa, Ketua Pustakawan Perpustakaan UTM, Puan Gowry P.S Thangaya, Pengarah Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor/Melaka, pegawai-pegawai kanan universiti, wakil-wakil agensi, dekan, pensyarah dan para pelajar.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang karnival tiga hari ini termasuk aktiviti perkongsian ilmu dalam pelbagai bidang oleh para profesional UTM, booth jualan, foodtruck, persembahan kumpulan busker, program derma darah, pemeriksaan kesihatan dan senamrobik.





PENGURUSAN KUALITI

PENGURUSAN KUALITI



9 Ogos 2017, Bengkel BS ISO 11620:2014



12 - 13 November 2017, Audit Surveillance SIRIM



28 - 29 September 2017, Bengkel Pemantapan Audit Dalam MS ISO 9001:2015



16 - 31 Julai 2017, Audit Dalam Perpustakaan UTM

PEMBUDAYAAN KUALITI MELALUI PROGRAM KUALITI



Standard People Practice



Gotong Royong Bulanan




Aktiviti 5S



Bengkel Pemantapan HIRARC

Taklimat Fire Drill

A red ribbon banner is positioned in the center of the page, tilted slightly upwards from left to right. It has a thin orange border and a white fill.

UTM INSTITUTIONAL REPOSITORY

UTM INSTITUTIONAL REPOSITORY (UTM-IR)

Merujuk rajah di bawah penarafan UTM-IR memperlihatkan penurunan rentetan dari perubahan sistem pemarkahan Webometric Ranking 2017. Kategori World Rank menurun kepada tangga ke-394 pada Januari 2017. Bagi kedudukan repositori antara universiti tempatan di Malaysia, UTM-IR berada ditempat ke-4 pada Januari 2017 setelah beberapa inisiatif dilaksanakan untuk memperbaiki kedudukan Webometric Ranking.


Januari 2017

Ranking Web of Repositories (World Rank): 394
Ranking Web of Repositories (Continental Rank - Asia): 36
Ranking Web of Repositories (Country Rank - Malaysia): 4
Ranking Web of Repositories (Top Institutional): 360

Julai 2017


Ranking Web of Repositories (World Rank)
Ranking Web of Repositories (Continental Rank - Asia)
Ranking Web of Repositories (Country Rank - Malaysia)
Ranking Web of Repositories (Top Institutional)

Pembatalan keputusan Webometric Ranking oleh Ranking Web of Repositories



Ranking Web of Repositories bagi kategori Top Institutional & Country Rank (Malaysia) 2009 - 2017.

Ranking Web of Repositories bagi kategori World Rank





**PERSIDANGAN
PUSTAKAWAN
2017**

PERSIDANGAN PUSTAKAWAN

Persidangan Pustakawan telah diadakan pada 18 - 19 Disember 2017 di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Johor Bahru dan dihadiri oleh Pustakawan daripada Perpustakaan UTM Johor Bahru dan Kuala Lumpur. Persidangan yang diadakan selama 2 hari ini dimulakan dengan pembentangan halatuju UTM oleh Prof Dr. Shahrin bin Mohamad, Pro Naib Canselor (Strategi) Universiti Teknologi Malaysia.

Program diteruskan lagi dengan sesi perbincangan dalam kumpulan dan diikuti oleh sesi Kata Aluan oleh Puan Noraziah binti Sharuddin Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan) yang sedang menjalankan tugas sebagai Ketua Pustakawan Perpustakaan UTM.

Pada hari ke dua pula, program diteruskan dengan sesi pembentangan dalam kumpulan, disusuli dengan rumusan persidangan oleh Ketua Pelapor, Puan Syahrannah A. Raqi dan ucapan penutup daripada Puan Noraziah binti Sharuddin.



PROGRAM ATTACHMENT



- Puan Nor Asikin binti Mohamad
Puan Zaleha binti Atan
Big Data Centre, Universiti Teknologi Malaysia Johor Bahru
2 - 13 April 2017



- Md Razib bin Karno
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
3 - 28 April 2017



- Syahranah binti A. Raqi
Syarifah Radhiah binti Syed Azman
Centre for Southeast Asian Studies, Kyoto, Jepun
20 Oktober 2017 - 2 November 2017



- Mohd Fuad bin Mohamed Yusof
Muzium Diraja Abu Bakar
Johor Bahru
1 - 15 November 2017



**USAHASAMA
DAN LIBATSAMA
KOMUNITI**

USAHASAMA DAN LIBATSAMA KOMUNITI



● 31 Januari 2017
Sumbangan Dato' Seri Prof. Ir. Dr. Zaini Ujang



● 18 dan 19 Januari 2017
UTM-NICE Jelebu UTMR di Pasoh



● 24 Januari 2017
Penubuhan UTM Reading Station di SK Pasoh 1 dan 4,
Negeri Sembilan



● 13 Mac 2017
Penambahan UTM Reading Station di SMK Padang Tembak



● 12 April 2017
Program Outreach OSHE UTM Kuala Lumpur



● 26 April 2017
Program Khidmat Masyarakat di Masjid Kolam Ayer, Taman Kolam Air, Johor Bahru, Johor



● 22 Julai 2017
Penubuhan UTM Reading Station di MJIIT, UTM Kuala Lumpur



● 16 Ogos 2017
Program Outreach Buy Back Day UTM Kuala Lumpur



● 23 November 2017
Hari Bersama Pelanggan UTM Kuala Lumpur



● 9 Disember 2017
Program Karnival Masjid UTM Kuala Lumpur



PERISTIWA PENTING 2017

PERISTIWA PENTING 2017



● 2 Januari 2017
Lawatan Naib Canselor UTM ke Galerium UTM



● 24 Januari 2017
Amanat Ketua Pustakawan



● 11 dan 12 Februari 2017
Taklimat Pelajar Baru Pasca Ijazah Semester II 2016/2017



● 14 Februari 2017
Audit Anugerah Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2016



● 23 Februari 2017
UTM Library Kuala Lumpur Info Day 2017



● 1 dan 2 Mac 2017
Program Kesedaran Pelestarian Dan Keselamatan Perpustakaan UTM Kuala Lumpur



● 1 Mac 2017
Perpindahan Perpustakaan CASIS Kuala Lumpur



● 10 April 2017
Program Jom Baca Bersama 10 Minit



● 12 April 2017
Sumbangan buku daripada Bank Islam



● 18 April 2017
Emerald High Usage Awards
Perpustakaan UTM Kuala Lumpur



● 18 Jun 2017
Lawatan Benchmarking Kualiti CICT UTM ke Perpustakaan UTM



● 12 Julai 2017
Jamuan Hari Raya Perpustakaan UTM Kuala Lumpur



● 8 Ogos 2017
Program Friends of UTM Library Kuala Lumpur



● 11 Ogos 2017
Program Gotong-royong Perdana UTM Kuala Lumpur



● 15 Oktober 2017
Majlis Bacaan Yassin dan Tahlil Anjuran
Kelab Keluarga Staf Perpustakaan UTM



● 20 November 2017
Majlis Perpisahan Ketua Pustakawan Dr. Kamariah binti Nor
Mohd Desa



● 20 Disember 2017
Latihan Kebakaran Perpustakaan UTM Kuala Lumpur



● 28 Disember 2017
Pengungsiang Bangunan Perpustakaan UTM
(Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor Bahru)



JAWATANKUASA PENERBITAN 2017

LAPORAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN UTM 2017

JAWATANKUASA PENERBITAN

- **PENASIHAT :**
NORAZIAH BINTI SHARUDDIN
- **KETUA EDITOR :**
NOR ASIKIN BINTI MOHAMAD
- **EDITOR :**
ZAFARINA BINTI DOL
- **SIDANG PENGARANG :**
NOR ASIKIN BINTI MOHAMAD
NIK MASRIZA BINTI ZAKARIA
ZALEHA BINTI ATAN
NORAINI BINTI YAHYA
KAMARIAH BINTI MOHAMED JONG
MOHD NASIR BIN IBRAHIM
HASLINA BINTI NASIR
KHAIRULBAHIYAH BINTI YAAKUB
- **REKABENTUK DAN GRAFIK :**
FAIZAL BIN FADZIL
- **JURUFOTO :**
WAN JAMAL BIN MOHD ARIFF
- **EDARAN :**
NORAZALINA BINTI A. SAMAD
AZHARUDDIN BIN AZMI

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI
TEKNOLOGI MALAYSIA

library.utm.my

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
81310 UTM JOHOR BAHRU
MALAYSIA

TEL : 607 553 3333
FAX: 607 557 2555